

Latihan Bab 1: Perkembangan Teknologi dan Kelestarian

Arahan: Jawab semua soalan

1. Berikut menunjukkan evolusi era pembangunan.
Tuliskan **1, 2, 3** dan **4** pada petak yang disediakan mengikut urutan.

Era teknologi maklumat dan digital	
Perkembangan ilmu dan teori	
Era modenisasi	
Pengeluaran produk, mesin mudah dan kenderaan	

2. Jadual di bawah menunjukkan pernyataan tentang pembangunan ke arah kelestarian terhadap kehidupan manusia mengikut elemen kelestarian.
Lengkapkan jadual itu dengan menulis elemen kelestarian yang sesuai pada ruang yang disediakan.

Pernyataan	Elemen kelestarian
- Akses kemudahan perkhidmatan awam - Kesedaran tentang isu kesihatan	(i)
- Kadar pencemaran rendah - Kehidupan lebih berkualiti	(ii)
- Penjimatan kos - Budaya kerja lebih produktif	(iii)

3. Jadual di bawah menunjukkan pernyataan definisi bagi teknologi dan kelestarian.
Namakan definisi yang sesuai pada ruang yang disediakan.

Keadaan yang tidak berubah atau terpelihara seperti asal	(i)
Aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan sains untuk tujuan amalan dalam pelbagai bidang	(ii)

4. Rajah di bawah menunjukkan contoh aplikasi konsep kelestarian.
Namakan konsep kelestarian itu pada ruang yang disediakan.

	
(i)	(ii)

5. Berikut adalah kronologi pelaksanaan Agenda Tempatan 21 yang tidak mengikut urutan. Tuliskan **1, 2, 3, 4** dan **5** pada petak yang disediakan mengikut urutan.

Pelaksanaan Agenda Tempatan 21 di Malaysia	
APEC mengiktirafkan kepentingan Agenda Tempatan 21	
Pelancaran Agenda Tempatan 21	
Pelaksanaan penuh Agenda Tempatan 21 dan program tambahan serta komitmen prinsip Rio dikuatkuasakan semula	
Penubuhan <i>The Commission on Sustainable Development</i> (CSD)	

6. Jadual di bawah menunjukkan pernyataan tentang prinsip dalam Agenda Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan. Lengkapkan jadual itu dengan menulis prinsip yang sesuai pada ruang yang disediakan.

Pernyataan	Prinsip
Memastikan semua lapisan masyarakat tempatan diwakili dalam program Agenda Tempatan 21	(i)
Mewujudkan usahasama dan tanggungjawab bersama antara semua pihak berkepentingan	(ii)

7. Jadual di bawah menunjukkan pernyataan tentang Dasar Teknologi Hijau Negara. Lengkapkan jadual itu dengan menulis dasar yang sesuai pada ruang yang disediakan.

Pernyataan	Dasar
Meningkatkan kualiti hidup untuk semua	(i)
Mencari ketidakbergantungan tenaga dan mempromosikan kecekapan tenaga	(ii)